

'Pemutihan' Bahasa Malaysia media elektronik perlu diutamakan

DEWAN Bahasa dan Pustaka akhirnya berjaya mendapat sedikit taring untuk bertindak mendenda pihak yang menyalahgunakan Bahasa Malaysia.

Secepat kilat saya ternampak beberapa papan iklan yang layak dikenakan tindakan. Umpamanya, sebuah pasar raya menggunakan ungkapan 'Informasi Nutrisi' sebagai terjemahan *Nutrition Information*. Ini tidak termasuk Deeparaya dan Kongsiraya yang sedikit sebanyak menghina perayaan agama orang Islam.

Atau bolehkah Siti Nurhaliza menamakan album terbarunya *Transkripsi?* Sebuah syarikat telefon bimbit pula menggunakan

slogan 'Coverage Terluas'... dan sebuah syarikat bas menjamin latihan calon pemandunya 'gerenti' lulus.

Pada hemat saya gerakan 'pemutihan' perkataan iklanyang salah hanya satu usaha kecil. Filem, drama, filem iklan, dokumentari dan pengacaraan serta pengumuman di TV dan radio, perlu diberikan perhatian utama kerana pengaruh media elektronik ini meninggalkan kesan yang lebih mendalam.

Umpamanya satu drama muda mudi dinamakan *Relaks, Respek, Response* kerana hendakkan **3R**. Begitu juga *Agrotek, Agri-jurnal* dan *MedikTV*.

Dan jika kita bincangkan tentang istilah

yang digunakan dalam sarikata, satu malam pun tidak habis. Atau hal pemimpin Melayu dan tokoh syarikat Melayu yang tidak mahu atau tidak tahu berbahasa Malaysia.

Ini belum masuk lagi perkataan China yang seolah-olah sudah diterima sebagai Bahasa Melayu seperti *sifu, ma, kau tim, chun* dan banyak lagi.

Salah guna dan peminggiran bahasa Melayu memang umpama nasi sudah menjadi bubur.

Walaupun ada usaha baru ini, saya tetap yakin kemelut ini akan berterusan kerana pindaan undang-undang berkenaan mesti pula diikuti dengan peruntukan untuk melaksanakannya.

Apabila kita bercakap fasal pelaksanaan, sebagaimana bekalan gula, banjiriran pendatang haram dan 50,000 pelancong (perempuan) China yang 'hilang' atau pemandu tidak patuh lampu isyarat, maka ia jadi cerita lamalah.

Ada lima pegawai penguatkuasa. Satu sakit, satu kahwin, satu cuti bersalin, satu kena jaga pejabat, jadi satu orang sahaja keluar meronda.

Janganlah nanti, yang gah hanyalah kain rentang 'Bahasa Jiwa Bangsa.'

**-SAAD HASHIM,
Ampang.**